

▼10/02/16-43MST
U GB 10-02 00186 BA663

AAB

Mahathir - NATO

SAYA TIDAK PERCAYA NATO AKAN SERANG. KATA MAHATHIR

I

KUALA LUMPUR, 10 Feb (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata, beliau tidak percaya yang Pertubuhan Perjanjian Atlantik Utara (NATO) benar-benar mahu melancarkan serangan udara terhadap tentera pengganas Serb di sekitar Sarajevo di Bosnia-Herzegovina.

Perdana Menteri berkata, NATO akan menanti hingga tempoh 10 hari yang diberikan kepada pengganas Serb supaya berundur berakhir dan kemudian memberi alasan bahawa serangan udara tidak perlu kerana pengganas Serb telahpun menyedari kekejaman yang mereka lakukan.

"Akhirnya (apabila apabila semua ini berakhir), puak pengganas Serb akan meneruskan tindakan penghapusan kaumnya," kata Dr Mahathir kepada pemberita pada majlis rumah terbuka Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Datuk Law Hienq Ding di Damansara di sini, sempena Tahun Baru Cina.

Semalam, NATO, yang dianggotai pakatan tentera 16 buah negara, memberi amaran kepada pengganas Serb bahawa serangan udara akan dilancarkan jika mereka tidak berundur dari Sarajevo.

Kata dua itu diberikan walaupun Kanada dan Greece tidak bersetuju terhadap campur tangan tentera Barat di negara bekas republik Yugoslavia itu. -- Lagi.

▼10/02/16-55MST

U GB 10-02 00178 BA664

AAB

Mahathir - NATO 2 (Akhir) Kuala Lumpur

Cadangan utama mesyuarat NATO itu ialah rancangan Amerika-Perancis untuk memberi kata dua kepada tentera pengganas Serb supaya mengundurkan meriam berat mereka sekurang-kurangnya 20km dari Sarajevo dalam masa 10 hari atau menghadapi serangan udara.

"Anda lihat, setiap orang... rakyat Amerika dan NATO tahu bahawa mereka tidak akan melancarkan serangan udara terhadap pengganas Serb," kata Dr Mahathir dan menambah kata sementara itu penghapusan kaum di terus berlaku di Bosnia-Herzegovina.

Katanya, hakikatnya ialah pengganas Serb akan menghentikan sementara serangan mereka setelah ancaman atau kata dua diberikan tetapi mereka akan meneruskan kekejaman mereka apabila tiada tindakan diambil terhadap mereka.

Mengenai cadangan Rusia untuk menempatkan tentera Bangsa-bangsa Bersatu di Sarajevo, Perdana Menteri berkata: "Katakan kepada Rusia supaya mengarahkan pengganas Serb berundur (dari Bosnia-Herzegovina) dan kita boleh berbincang."

Katanya, perkara paling penting untuk dilakukan sekarang ialah menghentikan semua serangan terhadap Bosnia.

"Tetapi, sekali lagi, saya tidak percaya bahawa cadangan-cadangan Rusia dan NATO itu akan menamatkan pembunuhan (di Bosnia-Herzegovina)," katanya.

-- Bernama.

ZV AZ KAM.

▼10/02/17-04MST